



SIARAN MEDIA

PEMBINAAN STESEN PAM PENGGALAK MINI DI KAMPUNG TEMONG MAWANG AKAN DAPAT MENAMBAH BAIK BEKALAN AIR SEDIA ADA DI KAMPUNG DARUL HUDA DAN KAMPUNG TEPOI (BAHAGIAN SERIAN)

SERIAN, 11 APRIL: Pelaksanaan projek yang berimpak tinggi adalah bukti keprihatinan Kerajaan Sarawak dalam menyediakan prasarana dan meningkatkan kemudahan asas untuk rakyat khususnya di luar bandar. Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak bekerjasama dengan agensi pelaksana iaitu JBALB Sarawak komited dalam memastikan setiap pelaksanaan projek bekalan air berjalan dengan lancar. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pembinaan stesen pam penggalak mini di kawasan Kampung Temong Mawang untuk menambah baik sistem bekalan air yang sedia ada di Kampung Darul Huda dan Kampung Tepoi. Stesen Pam Penggalak mini ini terdiri daripada rumah pam, pam air, tangki air, sistem VSD, generator dan keperluan M&E yang lain. Projek ini mengambil masa selama enam (6) bulan untuk siap dengan kos projek dianggarkan sebanyak RM400 ribu dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Setelah siapnya stesen pam penggalak mini ini, sebanyak 104 buah rumah di Kampung Tepoi dan 16 buah rumah di Kampung Darul Huda akan menerima manfaat bekalan air yang konsisten tanpa memberi kesan atau kerosakan pada sistem perpaipan yang sedia ada di kawasan rendah terutamanya di Kampung Temong Mawang, Kampung Temong Mura dan kawasan-kawasan sekitar. Ini adalah kerana Kampung Tepoi dan Kampung Darul Huda terletak pada kawasan paling hujung dan berada pada kedudukan paling tinggi berbanding dengan Kampung Temong Mawang. Projek yang dilaksanakan ini merupakan inisiatif Kerajaan Sarawak bagi memastikan penduduk di Bahagian Serian dapat menikmati bekalan air bersih dan terawat.

JBALB Sarawak komited dalam memastikan setiap pelaksanaan projek dapat disiapkan dengan segera agar isu bekalan air boleh diselesaikan secara efektif dan menyeluruh sejajar dengan hasrat YAB Premier Sarawak untuk memastikan setiap penduduk di Bumi Kenyalang dapat menikmati kemudahan bekalan air yang bersih dan terawat.

-TAMAT –

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK